

NO. SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD
ZOHDI [SUNGAI BESAR]**

SOALAN :

YB. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai pihak Kementerian menerusi Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2014 - 2018 terutamanya bagi menarik minat rakyat terhadap tabiat membaca.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah melaksanakan pelbagai program bagi menarik minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi aktiviti galakan membaca dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan melalui pelaksanaan secara NBOS.

Bagi memperluaskan capaian ilmu dan maklumat secara dalam talian pula, PNM sedang giat mempromosikan perkhidmatan digital menerusi perkhidmatan u-Pustaka (*ubiquitous library*) bagi memudahkan masyarakat memperoleh bahan bacaan dalam format digital termasuk *e-book* tanpa sempadan masa dan lokasi.

Dari tahun 2014 sehingga Jun 2017, PNM juga telah melaksanakan beberapa program berskala besar dan sederhana di dalam Jabatan dan di luar Jabatan dengan melibatkan kerjasama pelbagai pihak bagi mendapatkan impak yang lebih tinggi. Antara program itu ialah :

- (a) Jom Baca Bersama 10 Minit melibatkan kolaborasi dengan semua perpustakaan awam negeri dan perpustakaan di jabatan/agensi kerajaan yang telah disertai oleh seramai 14,582,734 orang dan diadakan serentak di seluruh negara;

- (b) #MalaysiaNgaji yang juga melibatkan kolaborasi dengan semua perpustakaan awam negeri yang diadakan serentak di seluruh negara dan mendapat jumlah penyertaan seramai 4,263,919 orang;
- (c) Perkhidmatan Perpustakaan Digital menerusi u-Pustaka telah mencatatkan jumlah keahlian sebanyak 421,061 ahli manakala jumlah penggunaan pangkalan data melalui perkhidmatan ini ialah sebanyak 11.91 juta penggunaan merangkumi e-buku, e-majalah, e-surat khabar, e-jurnal, e-video.
- (d) Program Literasi Media dan Maklumat bertujuan mendidik rakyat mendapatkan maklumat dengan tepat, berkesan dan beretika serta kemahiran pencarian maklumat yang berkualiti. Program ini melibatkan kolaborasi dengan kementerian/jabatan/agensi seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendaftaran Negara, IPTA, IPTS, Majlis Belia Malaysia, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perpustakaan Awam Negeri dan badan bukan kerajaan yang berjaya mendapat 19,362 penyertaan; dan
- (e) Penerbitan Buku Audio yang melibatkan kolaborasi dengan Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. telah berjaya menerbitkan 26 judul buku dalam Bahasa Melayu yang boleh dimanfaatkan oleh golongan OKU cacat penglihatan.

Sekian, terima kasih.